

Dadah RM18 juta didakwa garam Pakistan

30 Januari 2018

# Dadah RM18 juta didakwa garam Pakistan



TULISAN Pakistan Natural Iodine Salt tertera pada guni berisi dadah ini.

PASUKAN Cobra JKDM mengawal kontena berisi dadah di Nilai semalam.



SUBROMANIAM (empat dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas selepas sidang akhbar di Nilai semalam.

**Kastam rampas guni putih berisi ketamin dan heroin seberat 880 kilogram di Kajang, Selangor**

TAKTIK sebuah sindiket mengisytiharkan 37 guni yang dibawa dari Karachi, Pakistan sebagai garam gagal mengaburi mata pihak berkuasa apabila dadah bernilai RM18 juta itu dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam serbuan di sebuah premis di Kajang, Selangor, Jumaat lalu.

Dadah ketamin dan heroin seberat 880 kilogram ditemui bersama

1,885 bungkus garam yang dimuatkan di dalam dua buah kontena.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri T. Subromaniam berkata, dalam serbuan pada pukul 11.30 malam itu, pihaknya menahan 15 lelaki dan tiga wanita warga asing.

Menurut beliau, ketika ditahan suspek sedang leka memunggah guni berisi dadah berkenaan ke dalam bangunan yang

disyaki dijadikan stor penyimpanan.

"Siasatan awal mendapati bungkus dadah itu dibawa menerusi Pelabuhan Barat di Klang, Selangor dengan diisytiharkan sebagai garam," ujarnya.

Tambah Subromaniam, semua dadah tersebut dipercayai untuk pasaran luar dan Malaysia mungkin dijadikan lokasi transit dadah berkenaan.



Sindiket warga asing seludup 880kg dadah Pakistan diisytihar sebagai bahan perisa

# Garam bertukar heroin, ketamin

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN

**NILAI** – Taktik sebuah sindiket pengedaran dadah menyembunyikan 880 kilogram (kg) barang terlarang itu bersama 1,885 bungkusan garam dalam kontena yang dihantar dari Pakistan berjaya dibongkar oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ekoran penahanan 15 lelaki dan tiga wanita warga asing di sebuah premis di Kajang, Selangor, Jumaat lalu.

Dadah ketamin dan heroin masing-masing seberat 114kg dan 766kg itu ditemui dalam 37 guni putih tertera perkataan Pakistan Natural Iodine Salt dalam dua buah kontena di sebuah bangunan yang diserbu.

Ketua Pengarah JKDM Malaysia, Datuk Seri T.Subromaniam berkata, serbuan ke atas premis itu dilakukan oleh sepasukan anggota Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM pada pukul 11.30 malam sebaik mendapat maklumat awam.

Menurut beliau, seramai 18 suspek membabitkan 10 warga Pakistan, empat warga Indonesia dan empat warga Myanmar berusia 18 hingga 50 tahun ditahan.

Tujuh daripada suspek memiliki dokumen perjalanan manakala baki 11 suspek tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan.

“Seramai 17 suspek ditahan ketika mereka memunggah guni-guni putih dari dua buah kontena masuk dalam bangunan yang disyaki dijadikan stor penyimpanan.

“Seorang lagi ditangkap ketika dia berada dalam kereta yang diletak berhampiran restoran makanan segera berdekatan lokasi serbuan,” kata beliau di Pejabat Cawangan Narkotik JKDM



SUBROMANIAM (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas pada sidang akhbar di Pejabat Cawangan Narkotik JKDM Kampung Jijang Tengah, Nilai semalam.



SALAH sebuah kontena berisi dadah yang diseludup masuk menerusi Pelabuhan Barat di Klang.

Kampung Jijang Tengah di sini semalam.

Menurut beliau, pemeriksaan ke atas 1,885 guni garam yang setiap satunya seberat 25kg menjumpai enam guni disyaki dadah jenis ketamin seberat 114kg dan 31 guni disyaki heroin seberat 766kg.

Subromaniam memberitahu, siasatan awal mendapati bungkusan dadah itu yang dihantar dari Karachi, Pakis-

tan ke negara ini melalui Pelabuhan Barat di Klang dengan diikrarkan sebagai garam.


Dari Pelabuhan Barat, kontena berkenaan dibawa Kajang. Semua dadah tersebut dipercayai untuk pasaran luar dan Malaysia mungkin lokasi transit dadah berkenaan.

Beliau menambah, sindiket terbabit kemungkinan didalangi warga asing bagaimanapun pihaknya sedang menyiasat sama ada terdapat rakyat tempatan terlibat.

“Rampasan dadah seberat 880kg ini merupakan kejayaan besar JKDM. Jadi, kita akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam memerangi sindiket seperti ini,” ujarnya.

Katanya, kesemua suspek ditahan reman tujuh hari bermula Sabtu lalu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman gantung mati mandatori.

**INFO** Laluan dadah dari Pakistan ke Malaysia



**INFO** Kes seludup dadah melalui Pelabuhan Klang

● **15 Ogos 2017** - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas enam bungkusan guni disyaki mengandungi dadah jenis methamphetamine seberat 150.72kg bernilai RM10.55 juta yang dipercayai dibawa masuk dari Chennai, India melalui Pelabuhan Klang di Selangor

● **11 Mac 2017** - Polis menumpaskan sindiket penyeludupan dadah yang membawa masuk 2.5 juta pil eramin 5 bernilai RM50 juta yang disembunyikan di dalam kontena berisi perabot dari Taiwan melalui Pelabuhan Klang

● **19 April 2013** - JKDM menggagalkan cubaan menyeludup 84kg dadah jenis ketamin bernilai RM3.36 juta melalui kontena yang diisytiharkan sebagai ubi kentang menerusi Pelabuhan Klang

● **9 Julai 2012** - JKDM Selangor menahan lima suspek dan merampas pil eramin 5 bernilai RM58.28 juta yang ditemui dalam sebuah kontena di Pelabuhan Klang

● **11 November 2011** - Polis menahan dua lelaki Iran dan merampas dadah jenis syabu seberat 124.9kg bernilai RM27 juta yang dipercayai diseludup melalui Pelabuhan Klang

